

NO SOALAN :61**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik kutipan GST sejak mula GST diperkenalkan mengikut tahun serta cara hasil kutipan GST itu digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak RM27.0 bilion dan RM41.2 bilion. Manakala bagi tahun 2017, hasil bersih kutipan GST adalah sebanyak RM44.3 bilion.

Semua kutipan hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan semua cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi membiayai aktiviti pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat seperti menambah baik kemudahan infrastruktur jalan raya, kesihatan dan pendidikan yang tentunya dapat terus menyokong pembangunan ekonomi yang mapan dalam jangka panjang.